

**SATU KAJIAN MENGENAI TAHAP KESEDARAN DAN PEMAHAMAN PELAJAR IPT DI
MELAKA TERHADAP PERLAKSANAAN KONSEP 1MALAYSIA**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

BY:

**NOR SUHAIZA MD KHALID
ZARINA MOHD ZAIN
FARAH ADILLA ABD RAHMAN**

JUN 2011

Surat Kami : 600-KM (PJI. 5/4/1)
Tarikh : 23 Julai 2010

Nor Suhaiza bt Md Khalid
Ketua Projek
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA
Melaka

Ahli Projek
Zarina binti Mohd Zain
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Farah Adilla bt Abd Rahman
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA
Melaka

Puan

**TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN DANA KECEMERLANGAN: SATU KAJIAN MENGENAI
TAHAP KESEDARAN DAN PEMAHAMAN PELAJAR IPT DI MELAKA TERHADAP
PERLAKSANAAN KONSEP 1MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) telah meluluskan cadangan penyelidikan yang telah dikemukakan oleh tuan/puan bertajuk di atas dengan syarat-syarat seperti berikut:
- i. Tempoh projek penyelidikan ini ialah 1 tahun, iaitu bermula 1 Julai 2010 hingga 30 Jun 2011.
 - ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM5,000.00 sahaja** dalam (*Kategori F*). Tuan/Puan diminta mengemukakan proposal beserta bajet yang baru mengikut kos yang diluluskan sebelum tuan/puan memulakan projek penyelidikan tuan/puan.
 - iii. Pembelian peralatan komputer/printer/PDA/ alat multimedia adalah tidak dibenarkan.
 - iv. Semua pembelian bahan/peralatan adalah diminta agar tuan/puan mematuhi prosedur perbendaharaan dimana pembelian melebihi RM500.00 hendaklah mengemukakan sebutharga dan borang analisa harga.
 - v. Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan laporan prestasi secara ringkas pada setiap enam (6) bulan sepanjang tempoh penyelidikan puan berjalan.

- iv. Tuan/Puan perlu menandatangani Borang Perjanjian Penyelidikan dengan kadar segera kerana penggunaan geran hanya akan dibenarkan setelah perjanjian ditandatangani.
- vi. **LAPORAN AKHIR** perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan **TAMAT** dan format menulis laporan akhir boleh diperolehi di laman web RMI, UiTM Shah Alam. (<http://www.rmi.uitm.edu.my>)

Sekian, harap maklum. Terima Kasih.

'SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN'

Yang benar



PROF. MADYA DR. ROAIMAH OMAR
Timbalan Pengarah Kampus
Penyelidikan & Jaringan Industri
UiTM Melaka

- s.k.
1. Prof. Dr. Abu Bakar bin Abdul Majeed
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Malaysia
 2. Pengarah Kampus
UiTM Melaka
Kampus Alor Gajah
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka
 3. Ketua Program AM110
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
UiTM Alor Gajah
Melaka
 4. Timbalan Bendahari
UiTM Melaka
Kampus Alor Gajah
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Tarikh : 30 Jun 2011
No. Fail Projek : 600-KM (PJI. 5/4/1)

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN SATU KAJIAN MENGENAI TAHAP
KESEDARAN DAN PEMAHAMAN PELAJAR IPT DI MELAKA TERHADAP
PERLAKSANAAN KONSEP 1MALAYSIA**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk Satu Kajian Mengenai Tahap Kesedaran dan Pemahaman Pelajar IPT di Melaka Terhadap Perlaksanaan Konsep 1Malaysia oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka untuk makluman pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NOR SUHAIZA MD KHALID
Ketua
Projek Penyelidikan

1MALAYSIA: SATU KAJIAN TERHADAP PEMAHAMAN PELAJAR IPT DI MELAKA

Nor Suhaiza Md Khalid

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

Zarina Mohd Zain

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

Farah Adilla Abd Rahman

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

ABSTRAK

Konsep 1Malaysia yg diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak telah membawa satu perubahan yang besar buat seluruh rakyat Malaysia. Konsep ini bermatlamatkan perpaduan sesama kaum di Malaysia. Ia bukan sahaja melibatkan penyatuan semua kaum malah ia turut melibatkan seluruh sistem pentadbiran. Bertemakan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", konsep 1Malaysia ini tidak langsung mengabaikan apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia dan masih lagi berpegang pada Prinsip-prinsip Rukun Negara. Melalui konsep ini, rakyat Malaysia perlu menganggap diri mereka sebagai satu bangsa, iaitu bangsa Malaysia. Bagi sebilangan penganalisis politik, kebanyakkan berpendapat konsep 1Malaysia yang di bawa oleh Perdana Menteri ini berbeza dengan gagasan 'Malaysian Malaysia'. Persoalannya, sejauh manakah rakyat dapat menerima konsep atau idea baru ini? Penerimaan daripada semua kaum bermakna idea 1Malaysia ini telah dapat memenuhi keperluan serta kehendak rakyat daripada pelbagai kaum di Malaysia. Penerimaan daripada semua aspek perlu bagi memastikan semua kaum mendapat perkhidmatan serta kemudahan yang sama rata. Kesamarataan ini amat penting bagi menyatupadukan semua kaum kembali. Walaupun ia berbau politik daripada sesetengah pihak, namun matlamat utama pengenalan idea 1Malaysia ini amat bermakna buat seluruh rakyat di Malaysia yang rata-ratanya terdiri daripada pelbagai kaum.

Kata Kunci: Konsep 1M, Perpaduan, Kesamarataan